

Saya rasa tak senang hati jika budaya yang kukuh dengan nilai-nilai muafakat dan kerjasama yang tinggi akan mati suatu hari nanti sehingga generasi muda sibuk dengan kerja dan sudah tidak kenal orang lagi dah

— Abdullah Ahmad Badawi

Oleh NAZRULLAH ROSLI dan RADHUAN HUSSAIN

TEMERLOH 19 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat berbilang kaum menunjukkan rasa cinta kepada tanah air dengan mengamalkan budaya muafakat dan perpaduan bagi membolehkan negara terus mencapai kecemerlangan.

Perdana Menteri berkata, budaya murni itu perlu dipelihara dan diteruskan sampai bila-bila agar ia tidak terhakis dan mati begitu sahaja sehingga merugikan negara serta rakyat.

Sambil melahirkan rasa bimbang terhadap budaya muafakat yang semakin terhakis, katanya, masyarakat perlu menanam budaya itu dan tidak terlalu memberi tumpuan kepada kesibukan urusan kerja semata-mata.

"Kalau kita asyik mengejar kemajuan dari semasa ke semasa, semangat muafakat seperti gotong-royong dan tolong-menolong akan hilang.

"Inilah sebenarnya cara hidup orang kita. Saya rasa tak senang hati jika budaya yang kukuh dengan nilai-nilai muafakat dan kerjasama yang tinggi akan mati suatu hari nanti sehingga generasi muda sibuk dengan kerja dan sudah tidak kenal orang lagi dah," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap pada majlis perkahwinan pembantu peribadinya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Mohd. Najib Yusof, 31, dan pasangannya. Amy Fazlina Abu, 26, di Kampung Bolok, Lanchang dekat sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan isteri.

Perdana Menteri berkata, sekiranya ingin mereali-

sasikan erti kemerdekaan, segenap lapisan masyarakat perlu mempunyai kekuatan budaya dan agama sebagai cara hidup yang melambangkan ikatan persaudaraan sesama rakyat.

Menurutnya, nilai perpaduan di kalangan rakyat membolehkan negara sentiasa dihormati dan diiktiraf kerana berjaya menyatupadukan penduduk pelbagai kaum.

Abdullah menekankan rakyat negara ini perlu bersyukur dengan keamanan yang dinikmati sekarang memandangkan dunia ketika ini menghadapi pergolakan dan peperangan.

"Dari segi agama, alhamdulillah tak ada gaduh fasal agama cuma sedikit selisih pendapat tetapi dapat diselesaikan dengan cepat oleh pemimpin kerajaan sedia ada yang amat prihatin apa yang berlaku dalam masyarakat.


"Rakyat Malaysia sukakan keamanan, kita (rakyat berbilang kaum) mahu berkawan dan bekerjasama dan ini cara amat baik bagi kerajaan yang mengamalkan demokrasi," jelasnya.

Beliau juga berpuas hati dengan kejayaan anak-anak muda dari luar bandar menjadi ahli korporat dan memegang jawatan tinggi.

Katanya, kejayaan mereka ini boleh memberi inspirasi dan perangsang kepada anak muda lain untuk turut memburu kecemerlangan.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan mereka yang telah berjaya itu supaya tidak melupai kampung halaman sebaliknya terus mengamalkan budaya balik kampung khususnya semasa perayaan.

Ini katanya, akan menguatkan hubungan dengan keluarga dan rakan walaupun amalan itu dibuat setahun sekali.



ABDULLAH Ahmad Badawi menyaksikan pasangan Mohd. Najib Yusof (dua dari kanan) dan Amy Fazlina Abu memotong kek di majlis perkahwinan mereka di Sekolah Kebangsaan Kampung Bolok, Lanchang, semalam

-GHAZALI BASRI